



AeU membuka peluang bagi pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi pada **kos kompetitif dan fleksibel**.

AeU tawar sarjana MBA

» *Tujuh pengkhususan direka untuk golongan berkerjaya*

Sekolah Pengurusan (School of Management) menawarkan Program pengajian Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) melalui tujuh pengkhususan yang direka, khususnya untuk golongan berkerjaya. Menerusi program teras MBA dalam bidang pengurusan perniagaan dan keusahawanan, pelajar dilengkapi dengan skil penting yang diperlukan pemimpin untuk berjaya dalam sektor korporat atau perniagaan.

Tujuh pengkhususan dalam program MBA ini adalah Perniagaan Antarabangsa, Keusahawanan, Pengurusan Risiko, Pengurusan Rantaian Bekalan, Kewangan & Perbankan Islam, Takaful dan Pengurusan Pelancongan.

Program MBA di AeU yang ditawarkan secara sepenuh masa dan separuh masa ini mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran dan diiktiraf melalui proses pengakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Bagi pengajian sepenuh masa, pelajar boleh menamatkan program dalam tempoh 12 bulan sementara pengajian separuh masa memerlukan jangka masa 18 bulan.

Tenaga akademik

Sekolah Pengurusan (School of Management) di AeU dikenali umum dengan penerapan pembelajarannya yang berasaskan kepemimpinan dari sudut perspektif Asia. Konsep ini juga diguna pakai pelajar dan rakan korporatnya untuk mendalami aspek

pengurusan yang bersifat global tetapi mengikut acuan Asia. SOM terdiri daripada tenaga akademik dan Fasilitator Akademik yang memiliki ijazah kedoktoran daripada universiti terkemuka serta mempunyai pengalaman bekerja yang luas.

Selaras dengan keperluan dan perkembangan pasaran, AeU sentiasa membuka peluang bagi pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi pada kos kompetitif dan fleksibel. Pengajian bersifat fleksibel secara e-pembelajaran, memudahkan golongan bekerja untuk belajar dan menjalankan tugas secara serentak tanpa perlu mengabaikan tanggungjawab profesional dan peribadi.

Kemasukan pengajian MBA boleh dinilai melalui 'Sistem Kemasukan Biasa' atau 'Sistem Kemasukan Terbuka'. Bagi Kemasukan Biasa, calon perlu memiliki kelayakan sarjana muda atau sebarang kelayakan setaraf daripada organisasi yang diiktiraf.

Kemasukan Terbuka

Sementara itu, melalui Kemasukan Terbuka, AeU memberi peluang kedua kepada calon yang tidak mempunyai kelayakan akademik seperti mana yang digariskan dalam Kemasukan Biasa. Kemasukan Terbuka adalah lebih fleksibel dengan syarat kemasukan ialah calon harus berusia sekurang-kurangnya 35 tahun ketika memohon serta memiliki kelayakan STPM/Matrikulasi/Diploma/kelayakan yang diiktiraf, di samping mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan.

Pengambilan September 2014 kini dibuka. Pendaftaran boleh dilakukan secara pendaftaran atas talian di www.aeu.edu.my atau menghubungi kami di talian bebas tol 1300 300-238.